

10/08/2001

Sistem janji pelajar cemerlang masuk IPTA

SISTEM kuota 55 peratus bagi kemasukan pelajar Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) mempunyai kebaikan dan keburukan. Kuota sebesar itu bermakna ramai anak Melayu yang berpeluang menjejaki menara gading walaupun tahap kelayakan sesetengah mereka sekadar mencapai paras minimum. Apa yang diharapkan ialah suasana di kampus serta persaingan antara mahasiswa akan mendorong pelajar yang agak lemah sekalipun meningkatkan prestasi. Bagaimanapun, ia hanyalah dari segi ideal sedangkan tidak semua daripada kuota 55 peratus yang diisi itu berkesudahan dengan pelajar terbabit menerima ijazah. Ada yang terpaksa mengulang semester tertentu dan tidak kurang pula yang gagal.

Tahap kelayakan rendah bagi sebilangan pelajar Bumiputera, yang semata-mata dilihat untuk mengisi kuota yang ada, sebenarnya tidak menjanjikan apa-apa. Sesetengahnya tidak cukup cerdas dan berkesungguhan untuk memahami apa yang diajar. Diberi lebih perhatian oleh pensyarah sekalipun, pelajar seperti ini mendapati pelajaran di bilik kuliah jauh lebih sukar jika dibandingkan dengan di sekolah menengah. Akhirnya mereka menjadi kelompok pelajar yang tertinggal jauh dan kalau pun lulus kemudian, kualiti graduan dalam diri mereka sebenarnya amat rendah. Kualiti seperti ini akan terus terbawa-bawa apabila mereka mengisi pasaran pekerjaan hingga menimbulkan masalah pula di tempat kerja.

Sebaliknya, sistem meritokrasi hanya mengutamakan kecemerlangan. Meritokrasi tidak memperjudikan nasib seseorang pelajar sedemikian. Tanpa tahap kecemerlangan tertentu, sistem ini tidak menaruh simpati kepada sesiapa. Dengan proses penyaringan dan pemilihan lebih ketat, kebaikan sistem ini ialah ia menjanjikan hanya pelajar berkualiti akan mendapat tempat IPTA. Dengan kualiti yang mereka miliki, apa saja yang disampaikan di bilik kuliah tidak akan terlalu sukar difahami. Kemudian, apabila graduan seperti ini mengisi jawatan pegawai tinggi, mereka boleh diharap menjalankan tugas dengan cemerlang juga.

Penjelasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis taklimat khas kepada pemimpin Umno peringkat bahagian di ibu negara kelmarin, seharusnya memperjelas keadaan. Soalnya bukanlah berapa ramai pelajar Melayu yang boleh diterima memasuki IPTA tetapi apakah kualiti pelajar Melayu yang harus diberi tempat. Barangkali sistem penapisan menggunakan komputer semata-mata, boleh diperluaskan dengan turut menggunakan budi bicara agar pelajar yang rendah sedikit tahap kelayakannya tetapi berkesungguhan untuk memperbaiki prestasi, sama ada menerusi proses temu duga atau penulisan esei mengenai sebab-sebab mereka mahu ke IPTA, dapat turut dipertimbangkan.

Sebagaimana yang ditekankan Perdana Menteri, kuota besar tidak memberi banyak makna jika 'pelajar yang tak berguna' pun dapat memasuki IPTA. Ia seharusnya menyentak pelajar Bumiputera daripada mengelamun bahawa mereka tetap akan mendapat tempat sekalipun dengan kelayakan minimum. Mereka yang bercita-cita ke IPTA hendaklah melakukan persiapan secukupnya dari segi pencapaian akademik yang tidak memungkinkan mereka ditolak. Bukan sebaliknya dengan tahap kelulusan yang hanya memungkinkan mereka diterima. Apabila sudah bergelar mahasiswa pula, pelajar Melayu hendaklah menjiwai apa yang dituntut daripada mereka dengan membuka minda seluas-luasnya terhadap apa yang perlu dan apa pula yang harus dikemudikan. Jika sebaliknya yang berlaku, bukan sistem meritokrasi yang silap tetapi diri sendiri yang perlu disalahkan.

(END)